

KESAN EMOSI TERHADAP WANITA YANG MENJALANI RAWATAN IN-VITRO FERTILIZATION (IVF): PANDUAN MENURUT HIFZ AN-NAFS

Najwa Irdina ⁱ, Zul-kifli Hussin ⁱⁱ

ⁱ (Corresponding author). Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah (USAS). Emel: i21205774@student.usas.edu.my

ⁱⁱ Pensyarah Kanan, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah (USAS). Emel: zul-kifli@usas.edu.my

ABSTRAK

Kehadiran anak membawa sinar kebahagiaan kepada pasangan, mengisi rumah tangga dengan keceriaan dan kegembiraan. Namun, impian ini dapat terhenti oleh masalah kesuburan. Bagi pasangan yang menghadapi masalah kesuburan, In-Vitro Fertilization (IVF) menjadi alternatif halal untuk memiliki anak dan menjadi harapan baharu kepada mereka. Namun, rawatan ini juga tidak menjamin pasangan memperoleh cahaya mata. Hal ini akan berkemungkinan menimbulkan tekanan emosi kepada pasangan terutamanya isteri. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji kesan psikologi dan emosi terhadap wanita yang menjalani rawatan IVF dari perspektif *hifz an-nafs*. Kajian ini menggunakan metod kualitatif untuk menerangkan fenomena yang berlaku, dengan tujuan mengidentifikasi kesan psikologi dan emosi terhadap wanita yang menjalani rawatan IVF. Pengumpulan data yang relevan dengan tajuk melibatkan kaedah analisis dokumen dan temu bual separa berstruktur. Data kemudiannya dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik. Hasil kajian mendapati bahawa pentingnya sokongan sosial dalam meredakan tekanan perasaan dan emosi wanita ketika menjalani rawatan IVF lebih-lebih lagi apabila hasil yang diharapkan tidak kesampaian.

Kata-kata Kunci: *Emosi Wanita, Hifz An-Nafs, Kesuburan, Rawatan IVF*

PENGENALAN

Rawatan IVF telah menjadi satu alternatif yang semakin mendapat perhatian dalam menangani masalah kesuburan di kalangan pasangan. Bagi pasangan yang menghadapi cabaran untuk mencapai kehamilan secara semula jadi, IVF muncul sebagai pintu harapan. Dalam konteks Islam, perspektif *hifz an-nafs*, yang mementingkan dalam menjaga dan melindungi jiwa, turut memainkan peranan yang signifikan dalam menilai kesahihan dan etika prosedur ini. Menurut (Al-Khadimi, 2006), *hifz an-nafs* bermaksud menjaga jiwa yang berasal dari gabungan dua kata bahasa arab yang bermaksud menjaga dan *an-nafs* bermaksud jiwa atau roh. *Hifz an-Nafs* adalah mencegah terjadinya hal-hal buruk dan memastikannya tetap hidup. Prinsip *hifz an-nafs* menggariskan langkah-langkah yang diambil oleh pasangan ketika menjalani IVF.

Kesedaran tentang kepentingan tidak hanya terhadap kesihatan fizikal tetapi juga keharmonian jiwa dan keselamatan emosi menjadi aspek yang penting dalam setiap keputusan yang diambil. Menurut (KKM, 2013), kesihatan mental merupakan satu konsep yang memerlukan keseimbangan di antara aspek fizikal, psikologi, kerohanian dan sosial. Kesemua aspek ini, ada saling kaitannya yang boleh mempengaruhi kebolehan seseorang bertindak balas dengan cara yang sesuai dan sewajarnya. Kesihatan mental tidak boleh dipisahkan daripada kesejahteraan fizikal. Kesihatan serta penyakit mental dan fizikal merupakan sebahagian daripada kehidupan yang penting dan saling bergantung antara satu sama lain. Dengan pemahaman yang lebih mendalam tentang rawatan IVF dari perspektif *hifz an-nafs*, kita dapat melihat bagaimana agama Islam memberikan panduan etika yang penting dalam menghadapi cabaran kesuburan.

Anak merupakan anugerah terindah dalam sebuah perkahwinan. Dalam konteks Islam, kelahiran anak adalah nikmat dan ujian dari Allah. Ia membawa makna mendalam tentang tanggungjawab, kasih sayang, dan pengorbanan yang diperlukan untuk membentuk individu yang bertakwa dan memberi manfaat kepada masyarakat. Bagi beberapa pasangan, impian untuk memiliki anak mungkin terhenti oleh cabaran ketidaksuburan. Namun, Islam mengajarkan bahawa setiap ujian adalah peluang untuk mendekatkan diri kepada Allah dan meningkatkan ketabahan. Dalam ketidaksuburan, terdapat pelajaran tentang kesabaran, *redha*, dan keimanan. Dalam situasi ketidaksuburan, rawatan IVF muncul sebagai alternatif yang dapat membantu pasangan mencapai impian mereka memiliki anak. IVF melibatkan proses penggabungan sperma dan telur di luar rahim, dan embrio yang terbentuk kemudian dipindahkan kembali ke rahim. Dalam Islam, ketika menghadapi ujian kesuburan, pasangan diberi kebenaran untuk mencari jalan yang halal untuk mendapatkan zuriat.

Hifz an-nafs atau menjaga jiwa, mendorong pasangan untuk menjalani IVF dengan niat suci, menjaga martabat hidup, dan berserah diri kepada kehendak Allah. Dari aspek psikologi dan emosi juga perlu dipertimbangkan. Pasangan yang mengalami ketidaksuburan mungkin menghadapi tekanan dan ketegangan emosi yang besar. Keperluan untuk IVF bukan hanya bersifat fizikal tetapi juga menyangkut kesejahteraan mental dan emosi pasangan tersebut. Dengan pemahaman yang mendalam tentang latar belakang ini, kita dapat mengapresiasi mengapa beberapa pasangan memerlukan rawatan IVF dan bagaimana rawatan ini dapat menjadi satu bentuk harapan dan peluang untuk mewujudkan impian mereka menjadi ibu bapa.

Kajian ini memfokuskan kepada kesan psikologi dan emosi terhadap wanita yang menjalani rawatan IVF mengikut panduan *hifz an-nafs*. Isu ini perlu dititikberatkan kerana rawatan IVF bukan hanya melibatkan aspek fizikal dan perubatan semata-mata, tetapi juga mempunyai impak yang besar terhadap kesejahteraan psikologi dan emosi wanita yang menjalani rawatan tersebut yang boleh mendorong kepada perkara yang boleh membahayakan nyawa jika emosi wanita itu tidak mampu dikawal. Namun, dalam realiti kehidupan berumah tangga, Allah SWT pasti menguji hamba-Nya sebagai suatu ukuran keimanan, seperti dengan ujian masalah kesuburan. Seperti firman Allah SWT dalam Surah al-Syura yang bermaksud;

“Dia mengurniakan anak-anak perempuan kepada sesiapa yang dikehendakiNya, dan mengurniakan anak-anak lelaki kepada sesiapa yang dikehendakiNya. (49) atau ia mengurniakan mereka kedua-duanya - anak-anak lelaki dan perempuan, dan ia juga menjadikan sesiapa yang dikehendakiNya: mandul. (50)” (QS al-Syura: 42: 49-50)

Berdasarkan ayat tersebut, Allah memberikan anugerah keturunan sebagai penyambung zuriat, sama ada lelaki atau perempuan, sementara juga menjadikan kemandulan sebagai ujian yang mungkin menimpa sesiapa. Masalah kesuburan di kalangan pasangan suami isteri di seluruh dunia telah mengalami peningkatan yang membimbangkan. Masalah kesuburan dianggap sebagai masalah bersama suami isteri, dan penting untuk diingat bahawa ini bukanlah tanggungjawab tunggal isteri. Suami juga perlu memahami bahawa kemandulan boleh berpunca dari pihak lelaki. Pemeriksaan terperinci terhadap kualiti sperma menunjukkan bahawa sebahagian besar dari kumpulan "mandul tanpa sebab" sebenarnya disebabkan oleh masalah sperma, menjadikan penyebab kemandulan pada pasangan suami isteri lebih cenderung kepada pihak lelaki.

Menurut Creswell (2013) dalam Tika Dila, fenomenologi mempunyai konsep yang sama dengan kajian naratif iaitu menceritakan pengalaman hidup, namun pengalaman hidup sekumpulan individu terhadap sesuatu fenomena (kejadian). Terdahulu, Abang Tesla (2023) di aplikasi Tiktok menerima kritikan hebat dalam kalangan *netizen* selepas memuat naik video yang menunjukkan isteri pertamanya bersetuju membenarkan dia berkahwin dua. Ramai memberikan respons negatif terhadap tindakannya itu, dan dia menjawab di ruangan komen bahawa dia berkahwin dua disebabkan dia tidak mempunyai anak dengan isteri pertama dan pasangan itu telah melakukan rawatan IVF namun gagal dalam percubaan pertama. Jadi, pengkaji merasakan kajian ini sangat penting. Hal ini kerana perkara tersebut boleh melibatkan penderaan jiwa dan mental kepada seseorang dan hal ini terkait dengan perspektif *hifz an-nafs*.

Rawatan IVF merupakan salah satu kaedah rawatan kesuburan yang semakin popular dalam kalangan pasangan yang mengalami masalah kemandulan. Namun, proses rawatan IVF ini sering kali membawa cabaran psikologi dan emosi yang besar kepada wanita yang menjalaninya. Isu-isu seperti ketidakpastian hasil rawatan, kekecewaan terhadap kegagalan, serta tekanan sosial dan kewangan dapat memberikan impak negatif terhadap kesejahteraan mental dan emosi wanita. Dalam konteks Islam, konsep *hifz an-nafs* (perlindungan jiwa) menekankan pentingnya menjaga kesihatan mental dan emosi individu. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji kesan psikologi dan emosi yang dialami oleh wanita semasa menjalani rawatan IVF, serta meneliti pendekatan pengurusan emosi berdasarkan panduan *hifz an-nafs*.

Menurut Kementerian Kesihatan Malaysia (2016), ketidaksuburan adalah salah satu pengalaman yang paling memberi tekanan kepada sesiapa yang melaluinya dalam kehidupan. Apabila anda memulakan rawatan kesuburan dengan bantuan teknologi (ART), anda mungkin mengalami tekanan yang berbeza daripada kegembiraan dan keseronokan kepada kesedihan dan kekecewaan. Ia boleh menyebabkan emosi terganggu dan mencabar. Kaunseling bertanggungjawab dalam memberi sokongan dan penjelasan matlamat hidup. Pemahaman yang mendalam tentang cabaran emosi dan psikologi wanita dalam proses rawatan IVF dapat membantu meningkatkan sokongan dan intervensi awal yang sesuai untuk membantu wanita menangani tekanan yang dialami. Oleh itu, definisi kaunseling memberi tumpuan kepada konteks sokongan, nasihat dan bimbingan dan bukan sahaja sebagai pemangkin untuk perubahan berlaku (Applegarth, 1999, p. 89)

SOROTAN KAJIAN

Menurut Idris Awang et.al. (2006) menyatakan bahawa sorotan kajian lepas adalah suatu penelitian yang sistematik dan jelas untuk mengenali, menilai dan mentafsir hasil-hasil penulisan oleh penyelidik, cerdik pandai dan juga pengamal dalam bidang berkaitan dengan permasalahan yang akan dikaji. Secara ringkasnya, sorotan kajian merujuk kepada tinjauan ringkas mengenai satu kajian atau penyelidikan. Merupakan istilah lazim dalam dunia akademik dan penyelidikan untuk menggambarkan pemahaman ringkas tentang objektif kajian, metodologi, hasil, dan implikasi sesuatu penyelidikan. Sorotan kajian sering diperlukan dalam laporan penyelidikan, artikel ilmiah, atau pembentangan untuk memberikan gambaran keseluruhan kepada pembaca atau pendengar tentang isi-isi penting penyelidikan yang dijalankan. Dalam sorotan kajian, penulis akan merangkum intipati penyelidikan tersebut tanpa terperinci butiran-butiran yang terlalu mendalam.

Kajian pertama yang disoroti pengkaji ialah “*Fatwah Study of Indonesian Ulema Council and Saudi Ulama on IVF Embryos (Comparative Analysis)*” yang dikaji oleh Wirano Aisiyah Anwar et.al. (2002). Kajian ini mengkaji proses embrio IVF, perbandingan fatwa MUI (Majlis Ulema Indonesia), fatwa Arabi terhadap embrio IVF, dan status hukum IVF, serta hubungan antara kedua-dua fatwa. Metodologi penyelidikan ini dikelaskan sebagai sejenis penyelidikan kualitatif dengan mengambil ulasan perpustakaan (*library research*). Hasil kajian menyatakan hukum IVF adalah diharuskan jika mereka sah suami isteri, dan jika bukan ianya adalah perbuatan zina maka hukumnya haram. Terdapat jurang antara kajian lalu dengan kajian yang akan dijalankan oleh pengkaji iaitu kajian lama memfokuskan fatwa-fatwa dan hukum rawatan IVF.

Selain itu, Jurnal yang bertajuk Abdullah Bin Long (2017) yang bertajuk “*Membangunkan garis panduan kaedah rawatan kesuburan IVF (In-Vitro Fertilization) berteraskan syarak*”. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kedudukan rawatan IVF berdasarkan hukum Syariah. Metodologi penelitian ini merupakan penelitian kualitatif menggunakan teknik soal selidik Hasil kajian mendapati hukum syariah berkaitan rawatan kesuburan IVF, sebanyak enam permasalahan hukum syariah telah menjadi isu utama kerana tiada kesepakatan jawapan dikalangan pakar yang dijemput di dalam kebanyakan forum ilmu. Kajian ini memfokuskan garis panduan hukum Syariah berkaitan proses dan prosedur rawatan kesuburan terutamanya isu-isu yang masih mendatangkan persoalan.

Seterusnya, Kajian yang bertajuk “*Gambaran Kedukaan Pada Perempuan Dewasa Madya Yang Pernah Mengalami Kegagalan Program In Vitro Fertilization (IVF)*” yang dikaji oleh Giovanni Patricia et.al. (2018). Kajian ini bertujuan untuk mengetahui gambaran kedukaan perempuan yang mengalami kegagalan program IVF. Metodologi penelitian ini merupakan penelitian kualitatif dengan teknik pengambilan *sampling* iaitu *purpose criterion sampling*. Hasilnya kajian ini, majoriti perempuan dewasa yang tidak berjaya proses IVF mengalami depression. Terdapat jurang antara kajian lalu dengan kajian yang akan dijalankan oleh pengkaji iaitu kajian lama memfokuskan keadaan/perasaan perempuan yang gagal dalam rawatan IVF.

Kemudian, Jurnal bertajuk '*In Vitro Fertilisation (IVF) Procedure: A Syariah View*' (2019) yang dikarang oleh Mansor Sulaiman et.al. Tulisan ini bertujuan menjelaskan pandangan syarak berkenaan pelaksanaan prosedur-prosedur rawatan kesuburan dalam kategori IVF. Hasil kajian ini dapat merungkai pandangan syarak terhadap isu-isu sampingan yang berkaitan prosedur-prosedur tersebut, di samping mengenal pasti bahawa '*masalah*' merupakan perkara yang sangat besar peranannya di sebalik keharusan prosedur-prosedur yang berkenaan. Kajian ini lebih memfokuskan kepada pandangan syarak berkenaan pelaksanaan prosedur rawatan IVF.

Akhir sekali, kajian yang dikaji oleh Irham Dongoron (2020) yang bertajuk "*Bayi Tabung Dalam Tinjauan Hukum Islam (Analisis Maqassid Syariah)*". Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hukum-hakam Islam dalam rawatan IVF serta mengenal pasti fatwa-fatwa yang berkaitan dengannya. Metodologi penyelidikan ini dikelaskan sebagai sejenis penyelidikan kualitatif dengan mengambil ulasan perpustakaan (*library research*). Hasil kajian ini adalah rawatan IVF ini jika dilakukan oleh orang ketiga selain daripada hubungan suami isteri hukumnya adalah haram. Terdapat jurang antara kajian lalu dengan kajian yang akan dijalankan oleh pengkaji iaitu kajian lama ini lebih memfokuskan tentang hukum dan dari sudut menjaga keturunan (*hifz an-nasab*).

Mengenai rawatan kesuburan menggunakan teknik IVF, kajian terdahulu telah banyak mengkaji rawatan ini melalui kaedah sains dan mengikut perspektif *hifz an-nasl*. Walaubagaimanapun, masih terdapat kekurangan dalam pemahaman mengenai bagaimana aspek *hifz an-nafs* boleh diterapkan dalam konteks rawatan IVF ini. Fokus terhadap keberkesanan fizikal prosedur IVF sering kali mengatasi penekanan terhadap aspek psikologi dan emosi, khususnya dalam pengalaman individu Muslim yang menjalani rawatan ini. Kurangnya penekanan ini mungkin mengakibatkan kesenangan dan kesihatan jiwa terabai. Oleh itu, kajian ini akan diteliti dengan menyeluruh yang menggabungkan aspek *hifz an-nafs* dalam konteks IVF sangat diperlukan untuk mengisi kelompangan pengetahuan ini.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian merangkumi perbincangan mengenai reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data, dan proses analisis data. Reka bentuk kajian merupakan elemen penting dalam menentukan cara data dikumpulkan untuk digunakan sebagai bukti dalam kajian tersebut. Kajian ini mengaplikasikan pendekatan kualitatif dan telah menggunakan kajian perpustakaan untuk menambah pemahaman tentang hukum hakam Islam (Sugiyono, 2014). Penelitian berbentuk deskriptif dengan menggunakan pendekatan kualitatif yang merupakan suatu kajian yang bertujuan untuk menerangkan fenomena yang sedang berlaku. Penggunaan kaedah ini dapat membantu dalam memahami pengalaman individu Muslim yang menjalani rawatan IVF dari sudut pandang psikologi dan emosi. Kaedah reka bentuk kualitatif juga memungkinkan pengkaji menganalisis perbezaan individu mengikut persepsi dan pengalaman mereka terhadap rawatan IVF. Justeru, dapat memberi ruang untuk mendalami keunikan pengalaman individu Muslim, termasuk bagaimana mereka menghadapi cabaran dan mencari sokongan dari sudut pandang mengikut perspektif *hifz an-nafs*. Dengan menggunakan kaedah kualitatif juga, penyelidik dapat mengkaji dengan lebih mendalam tentang bagaimana aspek *hifz an-nafs* mempengaruhi pengalaman dan persepsi individu Muslim terhadap rawatan IVF.

Kaedah pengumpulan data melalui analisis dokumen memberi peluang untuk memahami secara mendalam isu-isu rawatan *IVF* dalam konteks perspektif *hifz An-nafs*. Analisis dokumen ini dapat memberikan wawasan yang kaya mengenai pendekatan Islam terhadap teknologi reproduksi dan bagaimana nilai-nilai agama dapat diaplikasikan dalam rawatan kesuburan seperti *IVF*. Kemudian, temu bual (separa berstruktur). Responden dipilih secara bertujuan untuk memenuhi kehendak jawapan yang bertepatan dengan objektif kajian iaitu mengenal pasti kesan psikologi dan emosi terhadap wanita yang menjalani rawatan *IVF* mengikut panduan *hifz an-nafs*. Kehendak soalan yang berfokus pada aspek *hifz an-nafs* dan pengalaman wanita yang melakukan rawatan *IVF*. Teknik temu bual dapat memahami secara mendalam tentang perspektif *hifz an-nafs* dapat diaplikasikan dalam pengalaman langsung wanita yang menjalani rawatan *IVF*. Bagi teknik persampelan yang digunakan dalam kajian adalah teknik pensampelan bertujuan (*purposive sampling*). Menurut Pomizi (2009). Persampelan tujuan atau *purposive sampling* atau *judgment sampling* merujuk kepada prosedur persampelan iaitu sekumpulan subjek yang mempunyai ciri-ciri tertentu sahaja dipilih sebagai responden kajian berdasarkan pengetahuan dan tujuan khusus penyelidikan pengkaji. Bermakna tidak semua kajian lain dalam populasinya dipilih oleh pengkaji sebagai responden.

Kajian ini menggunakan kaedah analisis tematik bagi menganalisis data yang diperolehi daripada kaedah temu bual. Menurut Braun & Clarke dalam Heriyanto (2018), analisis tematik merupakan cara untuk menganalisis data dengan tujuan untuk mengidentifikasi pola atau untuk mencari tema melalui data yang telah dikumpulkan oleh pengkaji. Analisis data dilakukan dengan meneliti pandangan *hifz an-nafs* dalam rawatan *IVF* dari pelbagai sumber dokumen dan mengenal pasti pola dan isu-isu yang muncul dalam kandungan tersebut. Kemudian, mengidentifikasi unit analisis yang berkaitan dengan perspektif *hifz an-nafs* melalui kaedah temu bual bersama wanita yang menjalani rawatan *IVF*. Pada amnya, analisis data ialah pecahan kaedah pengumpulan data penyelidikan daripada analisis kandungan yang merupakan huraian objektif terhadap mesej komunikasi yang dicetak, disiarkan atau digambarkan. Dalam kata lain, bahagian mesej itu dapat didengar, diperolehi dan dilihat dengan merujuk kandungan teks pada perkataan, maksud, gambar, simbol, idea, tema, atau apa-apa sahaja mesej yang dikomunikasikan (Sabitha Marican, 2009: 97; Babbie, 2010: 332 dalam Kamarul Azmi Jasmi: 10).

Bagi menganalisis data daripada temu bual, pengkaji mengambil data dari catatan yang ditulis semasa temu bual dijalankan dan membuat pengekodan untuk mengenal pasti, menganalisis dan melaporkan pola berulang dalam satu kajian. Analisis tematik adalah salah satu cara untuk menganalisis data bertujuan untuk mengenal pasti pola atau menemukan tema melalui data yang telah dikumpulkan oleh pengkaji (Braun & Clarke, 2006). Beberapa tema telah dikeluarkan hasil daripada temu bual yang dijalankan dan pengkaji telah meletakkan kod seperti IVI/2/200424 di hujung transkrip temu bual. Kod tersebut bermaksud P: penemu bual, IVI: informan I iaitu pesakit yang gagal dalam rawatan, 2: merujuk kepada baris dan 200424: tarikh temu bual. Manakala bagi menganalisis dokumen pula, pengkaji menganalisis setiap perincian dan maklumat penting yang terkandung dalam data yang telah dikumpulkan. Setelah itu, ia akan ditulis mengikut susunan item soalan yang diajukan bagi memudahkan proses penyelidikan. Justeru, ini adalah antara proses yang dilakukan dalam teknik analisis tematik.

Dengan pelaksanaan ketiga-tiga kaedah, dijangka kajian dapat menyajikan pemahaman yang holistik mengenai perspektif *hifz an-nafs* terhadap rawatan *IVF*. Analisis dokumen akan memberi sinopsis mendalam berkenaan nilai-nilai agama dan pandangan *hifz an-nafs* dalam

sumber-sumber tertulis seperti makalah akademik, jurnal saintifik, buku, panduan perubatan, fatwa agama, dan artikel media. Sementara itu, temu bual akan memperkaya kajian dengan pandangan dan pengalaman langsung dari individu yang terlibat dalam rawatan IVF. Analisis kandungan akan membolehkan penyelidik menyusun temuan-temuan utama dan pola yang berkaitan dengan perspektif *hifz an-nafs*, membentuk kerangka analisis yang komprehensif untuk memahami isu-isu tersebut dalam konteks rawatan kesuburan.

DAPATAN KAJIAN

Kaedah temu bual separa berstruktur dan analisis dokumen telah digunakan dalam menjalankan penyelidikan ini. Seramai tiga orang responden telah ditemu bual bagi mendapatkan maklumat berkaitan isu yang diketengahkan oleh pengkaji iaitu wanita yang berjaya atau gagal ketika menjalani rawatan IVF benar-benar menepati prinsip *hifz an-nafs*. Wanita yang berjaya dan usahanya sudah membuahkan hasil sudah semestinya menepati prinsip *hifz an-nafs*. Tetapi bagaimana pula dengan wanita yang masih belum direzekikan zuriat lagi. Wanita yang gagal terdapat kecacatan melalui prinsip *hifz an-nafs* kerana mengalami tekanan perasaan yang berlarutan. Namun, sokongan sosial memainkan peranan yang sangat penting dalam meredakan tekanan perasaan dan emosi wanita. Penyelidikan ini telah menunjukkan bahawa wanita yang merasakan sokongan daripada pasangan, keluarga dan rakan-rakan cenderung memiliki lebih baik ketahanan emosi dan keupayaan untuk mengatasi tekanan perasaan yang timbul jika masih tidak dapat direzekikan anak.

PERBINCANGAN

Sokongan sosial yang kukuh cenderung memiliki ketahanan emosi yang lebih baik dan mampu mengatasi tekanan perasaan yang timbul. Sokongan sosial memberikan rasa dihargai, dipedulikan dan difahami kepada wanita, kerana pada wanita itu sifatnya lemah yang padanya dapat meningkatkan kepercayaan diri dan mengurangkan bebanan emosi.

Definisi Istilah

Menurut Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), IVF bermaksud “persenyawaan di kaca” adalah sinonim dengan istilah ‘bayi tabung uji’. Semasa proses IVF, telur dikeluarkan dari ovari dan disenyawakan dengan sperma dalam makmal. Embrio tersebut kemudiannya diletakkan di dalam rahim wanita. (Mohamed Hatta, 2019).

Konsep “*hifz an-nafs*” atau memelihara diri dalam Islam memainkan peranan penting dalam menilai tindakan-tindakan seperti rawatan IVF. Perspektif ini berfokus pada pemeliharaan kesihatan fizikal dan mental wanita, pentingnya niat dan matlamat yang baik serta keharusan menjaga etika dalam proses rawatan ini.

Kepentingan Teknologi Pada Zaman Kini

Teknologi memainkan peranan penting dalam memberikan akses kepada maklumat bagi pesakit yang mencari rawatan kesuburan seperti IVF. Buktinya, sebelum informan I bertemu dengan doktor, pesakit sering membuat penyelidikan terlebih dahulu mengenai proses rawatan yang mereka perlukan untuk mendapatkan zuriat.

“Dak, makteh yang.. taktau, aaa makteh yang sendiqi-sendiqi lepastu makteh yang ajak uncle lepastu uncle pun setuju untuk jumpa dengan doktor”

Keupayaan pesakit untuk mendapatkan maklumat yang berkualiti dan tepat pada masanya sebelum bertemu dengan doktor membolehkan mereka mempersiapkan soalan dan memahami proses rawatan dengan lebih baik. Hal ini memperkuat antara pesakit dan doktor dalam membuat keputusan rawatan yang terbaik. Oleh itu, teknologi memainkan peranan yang penting dalam memberikan sokongan dan maklumat kepada pesakit yang menghadapi cabaran kesuburan dalam mencari rawatan alternatif seperti IVF.

Elemen Utama Menstabilkan Emosi Wanita

Sokongan sosial dari pasangan (suami) memainkan peranan penting dalam menstabilkan emosi wanita semasa menjalani rawatan IVF. Sokongan ini tidak hanya melibatkan kehadiran emosi, tetapi juga memerlukan pengorbanan dari segi masa dan kewangan. Melalui keterangan informan I yang menyatakan :

“Mcm makteh la, makteh bagi jugak uncle kawin lain tapi ikut oqang dengan ikut keadaan kewangan sebab makteh bersyukur sebab uncle banyak masa untuk makteh, kami sama-sama pi buat, ada kawan makteh dia duit takdak sebab asben dia jaqang-jaqang qeja lepastu laki dia takmau buat. Dia kena sama-sama, dia takleh kalau dia ja syoq sendiqi. Mcm kawan makteh tu dia boleh ja amek duit epf dia tapi kena guna duit sendiqi dlu. Mcm haqitu makteh banyak guna duit uncle beli ubat apa semua. Sama- sama susah, bila dah kawin sama-sama susah sama-sama tanggung so sama-sama la duit tu tak berkira la”

Aspek penting dalam sokongan sosial dari pasangan ialah dengan sokongan moral. Pasangan perlu memberikan sokongan emosi yang mantap dan memberi semangat kepada wanita. Ini melibatkan mendengar dengan teliti, menyatakan kesedaran, dan memberi perasaan keselesaan dan keyakinan kepada wanita. Pengorbanan masa juga adalah elemen penting dalam sokongan sosial dari pasangan. Suami perlu hadir secara fizikal semasa perjalanan rawatan IVF, seperti mengiringi wanita ke klinik dan menghadiri sesi perubatan. Kehadiran ini memberi wanita rasa keselesaan dan memberikan sokongan emosional yang diperlukan. Rawatan IVF boleh menimbulkan beban kewangan yang besar. Oleh itu, sokongan kewangan dari pasangan adalah penting. Ini boleh melibatkan penyediaan dana untuk kos rawatan, ubat-ubatan, atau kos lain yang berkaitan dengan proses IVF. Pasangan perlu bersedia untuk mengorbankan sebahagian daripada sumber kewangan mereka untuk menyokong wanita semasa perjalanan rawatan ini. Akhir sekali, pasangan perlu memahami cabaran emosi dan fizikal yang dihadapi oleh wanita semasa rawatan IVF. Mereka perlu menunjukkan kesetiaan dan kesabaran dalam menyokong wanita melalui setiap langkah rawatan, tanpa mengira berapa banyak cabaran yang mungkin timbul.

Kesimpulannya, sokongan sosial dari pasangan adalah elemen utama dalam menstabilkan emosi wanita semasa menjalani rawatan IVF. Sokongan ini memerlukan pengorbanan dari segi emosi, masa, dan kewangan, tetapi ia penting untuk memberi wanita rasa sokongan, keselesaan, dan keyakinan semasa mengharungi cabaran rawatan IVF.

Faktor yang Mempengaruhi Keberhasilan IVF

Usia ibu adalah faktor utama yang mempengaruhi keberhasilan kehamilan dan kelahiran pada pesakit IVF, dengan usia optimum 23-42 tahun. Selain usia, ada banyak faktor lain yang dapat mempengaruhi keberhasilan IVF, seperti kualiti sperma, tingkat *fragmentasi* DNA, merokok, indeks massa tubuh tidak normal, diabetes, hipertensi, *tromboembolisme*, dan komplikasi saat melahirkan. Kuantiti dan kualiti embrio yang di pindahkan ke rahim ibu juga mempengaruhi keberhasilan IVF. Jadi secara keseluruhan, meskipun soalan spesifik tidak dapat dijawab, hasil pencarian memberikan gambaran umum tentang faktor-faktor yang mempengaruhi keberhasilan dan komplikasi dari prosedur IVF.

“Makteh try sekali tapi dia kena ada umoq, kalau umoq dia sampai 40. Sebab Perempuan hormon dia semakin tua semakin cepat dia nak menopause. Lepastu dia ada peringkat dia, kalau Kerajaan sampai umoq 40 ja. Kerajaan bg subsidi lepastu kalau dak dia kena buat dekat private, private dia mahai sangat berapa belas ribu sebab dia ada ubat-ubat jenis untuk cucuk kat pequt pulak untuk kuatkan Rahim tu. Teloq tu semua ada ubat-ubat dia. InsyaAllah kalau ada rezeki, salah satu dia akan jadi, yang lain guguh tapi tapi makteh tiga-tiga guguh. Sebab makteh pi hospital metro, pi check pi scan lagi sekali makteh pi hospital Kerajaan pun makcik pi check sekali lagi pequt makteh dah kosong. Masa makteh period tu, ketoi daqah tu, tiga oqang anak makteh tu keluq sekali.”

Secara kesimpulan, usia adalah faktor utama dalam keberhasilan IVF, dengan pelbagai faktor kesihatan dan kualiti embrio juga mempengaruhi hasilnya. Pengalaman informan I menunjukkan cabaran besar yang dihadapi dalam proses IVF, terutama yang berkaitan dengan usia dan kos perawatan. Keguguran yang dialami menyoroti kesulitan emosi yang datang dengan masalah kesuburan dan perawatan IVF.

Proses Kesuburan IVF

Menurut informan I, pasangan yang telah berkahwin lebih dari tiga tahun disarankan untuk menjalani ujian kesuburan untuk menilai kemampuan mereka untuk hamil, tetapi ujian ini tidak semestinya diikuti dengan IVF, yang merupakan langkah terakhir dalam proses kesuburan. Kajian menunjukkan bahawa pasangan yang telah berkahwin selama lebih dari setahun tanpa menggunakan kaedah kontraseptif dan belum hamil disarankan untuk menjalani ujian kesuburan (Gnoth et al., 2005). Ujian ini membantu mengenal pasti punca ketidaksuburan dan menentukan rawatan yang sesuai.

IUI adalah rawatan kesuburan yang kurang invasif berbanding IVF. Ia sesuai untuk pasangan dengan masalah kesuburan yang ringan (Boomsma et al., 2007). Kajian menunjukkan bahawa IUI dapat meningkatkan kadar kehamilan terutamanya apabila digabungkan dengan ubat-ubatan untuk merangsang ovulasi (Verhulst et al., 2006). Sebelum IVF, terdapat beberapa pilihan rawatan seperti IUI (Intrauterine Insemination) yang merupakan prosedur di mana sperma yang paling aktif dimasukkan terus ke dalam rahim perempuan untuk memudahkan persenyawaan.

Sebaliknya, IVF adalah langkah yang lebih canggih di mana telur yang matang diambil dari ovari, disenyawakan dengan sperma di luar rahim dalam tabung uji, dan kemudian embrio yang dihasilkan dimasukkan ke dalam rahim untuk membesar. Dalam kes ini, informan I telah menjalani prosedur IVF kerana kuantiti telur yang ada pada dirinya tidak mencukupi untuk menggunakan kaedah lain seperti IUI. Prosedur IVF memerlukan telur dan sperma untuk disenyawakan di luar tubuh sebelum dimasukkan kembali ke dalam rahim untuk perkembangan embrio. Jika embrio tidak berkembang, maka keguguran akan berlaku seperti yang dialami oleh informan I. IVF adalah rawatan kesuburan yang paling canggih dan sesuai untuk kes-kes yang lebih kompleks (Palermo et al., 2017). Ia memerlukan pengambilan telur matang dari ovari, persenyawaan dengan sperma di luar tubuh, dan pemindahan embrio ke dalam rahim. Kadar kehamilan dengan IVF bergantung kepada faktor-faktor seperti usia ibu, punca ketidaksuburan, dan kualiti embrio (Sunkara et al., 2011).

KESIMPULAN

Kesimpulannya, wanita itu adalah seorang insan yang sangat hebat kerana sepanjang melakukan rawatan IVF ini mereka mampu menahan kesakitan fizikal ketika rawatan sedang dijalankan sehingga pengakhiran rawatan tersebut. Wanita yang berjaya mendapatkan zuriat sudah semestinya memenuhi ciri-ciri konsep *hifz an-nafs*, yang merujuk kepada penjagaan diri dan kesejahteraan emosi. Wanita yang mengalami kegagalan dalam rawatan IVF juga masih boleh menepati ciri-ciri *hifz an-nafs*, terutamanya jika wanita itu menerima sokongan sosial yang hebat dari orang terdekat. Sokongan sosial dapat membantu wanita tersebut menjaga keseimbangan emosi. Justeru, wanita itu lebih terjaga emosinya dan dapat mengelakkan dari sebarang penyakit mental yang boleh membahayakan diri contohnya seperti *depression* yang boleh menyebabkan penderaan kepada diri sendiri atau sebagainya.

Teknologi moden telah memainkan peranan penting dalam menyediakan maklumat dan sokongan kepada pasangan yang menghadapi masalah kesuburan, seperti rawatan IVF. Berdasarkan pengalaman informan I, teknologi membolehkan pesakit melakukan penyelidikan awal mengenai proses rawatan IVF, yang membantu mereka mempersiapkan soalan dan memahami prosedur dengan lebih baik. Ini menunjukkan bahawa teknologi bukan sahaja memberi akses kepada maklumat, tetapi juga menyokong pesakit dalam membuat keputusan yang lebih bijak tentang rawatan mereka.

Emosi wanita semasa menjalani rawatan IVF adalah satu aspek yang memerlukan perhatian khusus. Sokongan sosial dari pasangan, yang melibatkan aspek moral, masa, dan kewangan, adalah kunci dalam menstabilkan emosi wanita. Pasangan perlu menunjukkan empati, memberi sokongan moral, serta terlibat secara aktif dalam proses rawatan seperti yang dinyatakan oleh informan I. Ini menggarisbawahi kepentingan sokongan sosial dalam membantu wanita mengatasi cabaran emosi dan fizikal semasa rawatan IVF. Dalam konteks *hifz an-nafs*, ini menunjukkan bahawa sokongan sosial dan kehadiran pasangan adalah sebahagian daripada tanggungjawab bersama dalam menghadapi kesulitan dan memastikan kesejahteraan emosi.

Dari segi keberhasilan rawatan IVF, usia ibu adalah faktor utama yang mempengaruhi kejayaan kehamilan, di samping pelbagai faktor kesihatan lain seperti kualiti sperma, dan keadaan perubatan yang mendasari (Gnoth et al., 2005; Sunkara et al., 2011). Pengalaman informan I yang menghadapi keguguran dalam rawatan IVF menyoroti cabaran emosi yang

dihadapi oleh wanita ketika rawatan tidak berhasil, serta kepentingan pengetahuan tentang proses dan risiko yang terlibat dalam IVF. Walaupun kegagalan dalam rawatan IVF mungkin menimbulkan tekanan emosi dan cabaran yang besar, sokongan sosial yang berterusan dapat membantu wanita menghadapinya dengan lebih baik. Hal ini, memperlihatkan bahawa konsep *hifz an-nafs* tidak hanya penting dalam kejayaan dalam mendapatkan zuriat, tetapi juga dalam menguruskan kesihatan emosi dan kesejahteraan mental dalam menghadapi cabaran kehidupan yang sukar. Penjagaan diri dalam bentuk sokongan emosi, sosial, dan kewangan adalah penting dalam memastikan kesejahteraan wanita yang menjalani rawatan kesuburan. Kesimpulan ini menekankan bahawa sokongan teknologi dan sosial, serta pemahaman terhadap faktor-faktor perubatan dan emosi, adalah kunci dalam menangani cabaran rawatan IVF dan menjaga kesejahteraan wanita melalui proses tersebut.

RUJUKAN

- Abdullah, Long, and Mansor Sulaiman. *Membangunkan Garis Panduan Kaedah Rawatan Kesuburan Ivf (In-Vitro Fertilization) Berteraskan Syarak*. Aug. 2017, umpir.ump.edu.my/id/eprint/24953.
- Al-Khadimi. *Al-Munasabah Al-Syar'iyah Wa Tatbiquha Al-Mu'asiroh*. Beirut: Dar Ibn Hazm, 77. Dar Ibn Hazm, Beirut, 2006, p. 77.
- Anwar, Wirani Aisiyah, et al. "Fatwah Study of Indonesian Ulema Council and Saudi Ulama on IVF Embryos (Comparative Analysis)." *Jurnal Marital: Kajian Hukum Keluarga Islam*, vol. 1, no. 1, 14 Oct. 2022, pp. 21–36, ejurnal.iainpare.ac.id/index.php/marital_hki/article/view/3241.
- Applegarth. *Infertility Counseling : A Comprehensive Handbook for Clinicians*. Edited by Sharon N. Covington and Linda Hammer Burns, Cambridge University Press, 1 Jan. 2001, www.cambridge.org/core/books/infertility-counseling/F9AA23FCE86CC86A9D2533EA0B927242. Accessed 2 Feb. 2020.
- Dr. Azizul Bin Awaluddin. "Hubungkait Antara Kesejahteraan Kesihatan Fizikal Dan Mental - PORTAL MyHEALTH." *Portal MyHealth*, 14 Mar. 2012, www.myhealth.gov.my/hubungkait-antara-kesejahteraan-kesihatan-fizikal-dan-mental/.
- Idris, Awang, and Rahimin Affandi Abdul Rahim. "View of Sorotan Kajian Lepas: Teori Dan Amalan Dalam Penyelidikan Islam." *Um.edu.my*, 2024, ejournal.um.edu.my/index.php/fiqh/article/view/4110/1973. Accessed 18 Oct. 2024.
- Irham, Dongoron. "Taqnin : Jurnal Syariah Dan Hukum." *Bayi Tabung Dalam Tinjauan Hukum Islam (Analisis Maqashid Syari'ah)*, vol. 2, no. 1, 24 June 2020, <https://doi.org/10.30821/taqnin.v2i1.7604>. Accessed 29 Nov. 2020.
- John, W. Creswell. *Qualitative Inquiry & Research Design: Choosing among Five Approaches*. Sage Publications, 2007.

Omar, Siti Nur Amalina Che, and Mohd Norhusairi Mat Hussin. "Pemakaian Kaedah-Kaedah Fekah Dalam Institusi Fatwa Di Wilayah Persekutuan Dari Tahun 2010-2014." *Online Journal of Research in Islamic Studies*, vol. 5, no. 3, 27 Dec. 2018, pp. 37–64, ejournal.um.edu.my/index.php/RIS/article/view/16428.

Patricia, Giovanni, et al. "Jurnal Muara Sosial, Humaniora Dan Seni." *Gambaran Kedukaan Pada Perempuan Dewasa Muda Yang Pernah Mengalami Kegagalan Program in Vitro Fertilization*, vol. 2, No 1, no. P-ISSN : 2579-6348, E-ISSN : 2579-6356, 1 June 2018, <https://doi.org/10.24912/jmishumsen.v2i1.1670>.

Siti Norfaizah , Wagiman. "Kepentingan Kaunseling Dalam IVF." *Portal MyHealth*, 22 Oct. 2014, myhealth.moh.gov.my/.